



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
APRIL 2024

Inflasi Malaysia kekal 1.8 peratus pada April 2024 untuk tiga bulan berturut-turut

PUTRAJAYA, 24 Mei 2024 - Inflasi Malaysia kekal 1.8 peratus pada April 2024 untuk tiga bulan berturut-turut dengan mata indeks mencatatkan 132.4 berbanding 130.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), APRIL 2024**.

Peningkatan pada April 2024 telah didorong oleh peningkatan bagi kumpulan utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 3.5 peratus (Mac 2024: 3.0%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 3.1 peratus (Mac 2024: 2.6%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 3.0 peratus (Mac 2024: 3.0%). Makanan & Minuman dan Pengangkutan masing-masing mencatatkan peningkatan 2.0 peratus dan 0.8 peratus. Manakala, Maklumat & Komunikasi menurun kepada negatif 2.5 peratus, Pakaian & Kasut (-0.3%) dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (-0.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, inflasi Restoran & Perkhidmatan Penginapan meningkat kepada 3.5 peratus pada bulan April 2024 berbanding 3.0 peratus pada Mac 2024. Ini disumbangkan oleh peningkatan subkumpulan utama Perkhidmatan penyediaan minuman, 3.9 peratus (Mac 2024: 3.7%) dan Perkhidmatan penginapan, 2.4 peratus (Mac 2024: 0.6%).

Inflasi bagi Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan meningkat 3.1 peratus pada April 2024 berbanding 2.6 peratus pada Mac 2024. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan lebih tinggi bagi kelas perbelanjaan Barang kemas & jam tangan 17.0 peratus (Mac 2024: 16.1%) seiring dengan kenaikan harga emas di pasaran global pada April 2024. Inflasi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat pada kadar yang sama seperti direkodkan pada Mac 2024 iaitu 3.0 peratus. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan lebih tinggi subkumpulan Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman (31.6%).

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP mencatatkan peningkatan 2.0 peratus pada April 2024 (Mac 2024: 1.7%). Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat secara marginal kepada 0.4 peratus pada April 2024 (Mac 2024: 0.3%). Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan di kebanyakan kelas perbelanjaan. Kelas perbelanjaan Sayur-sayuran merekodkan peningkatan 3.2 peratus berbanding Mac 2024 (0.0%). Ini diikuti oleh Bijirin & produk bijirin (1.9%); Gula, manisan & pencuci mulut (1.3%); Susu, produk tenusu lain & telur (1.0%) dan Buah-buahan & kacang (0.9%). Namun begitu, kedua-dua Ikan & makanan laut lain dan Daging masing-masing merekodkan penurunan negatif 2.3 peratus dan negatif 0.9 peratus.

Inflasi bagi kelas perbelanjaan Daging merekod penurunan kepada negatif 0.9 peratus pada April 2024 (Mac 2024: 0.2%). Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar merangkumi 32.6 peratus dalam kelas perbelanjaan Daging terus mencatatkan penurunan kepada negatif 3.5 peratus (Mac 2024: -1.1%). Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard Malaysia pada April 2024 adalah RM10.13 sekilogram berbanding RM10.45 sekilogram pada bulan April 2023 (Mac 2024: RM10.28). Manakala, purata harga Ayam standard bagi Semenanjung Malaysia pada April 2024 adalah RM9.55 sekilogram berbanding RM9.91 sekilogram pada bulan April 2023 (Mac 2024: RM9.53).

Selain itu, subkumpulan utama Makanan di luar rumah meningkat lebih tinggi kepada 4.0 peratus berbanding 3.5 peratus pada bulan sebelumnya. Antara item yang merekodkan peningkatan lebih tinggi berbanding bulan sebelum ialah seperti Nasi campur, Nasi goreng, Masakan berasaskan mi dan Nasi ayam.

Inflasi Pengangkutan mereda kepada 0.8 peratus pada April 2024 berbanding 1.3 peratus pada Mac 2024. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat kepada 1.3 peratus pada April 2024 (Mac 2024: 1.4%). Purata harga petrol tanpa plumbum RON97, pada April 2024 adalah RM3.47 seliter berbanding RM3.35 seliter pada April 2023 (Mac 2024: RM3.47).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 1.8 peratus. Walau bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (3.2%), Sarawak (2.8%), Pahang (2.4%) dan Selangor (2.2%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor pada 3.7 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (3.1%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.9%) dan Sarawak (2.1%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman nasional iaitu 2.0 peratus pada April 2024.

Inflasi keseluruhan secara bulanan merekodkan kenaikan 0.2 peratus berbanding 0.1 peratus yang telah dicatatkan pada Mac 2024. Peningkatan ini didorong oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (0.9%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (0.8%) dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.3%). Sementara itu, Inflasi teras pada April 2024 meningkat kepada 1.9 peratus berbanding 1.7 peratus yang direkodkan pada Mac 2024. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh Restoran & Perkhidmatan Penginapan dan Makanan & Minuman yang masing-masing meningkat pada 3.5 peratus dan 3.2 peratus, diikuti oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.1%).

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 24 Mei 2024**

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.8%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Vietnam (4.4%), Philippines (3.8%), United States of America (3.4%), Indonesia (3.0%) dan Republic of Korea (2.9%). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (0.2%) dan China (0.3%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 MEI 2024**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 24 Mei 2024

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - April 2024



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga April 2024


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, April 2023 - April 2024




Carta 3

Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, April 2023 - April 2024



Carta 4


Inflasi mengikut Kuadran, Mac 2024 & April 2024



Nota: Bermula Januari 2024, terdapat 62 item baharu dikemaskini dalam bakul IHP


Carta 5

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkatkan ≤10%, Mac 2024 & April 2024



Carta 6


Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, April 2023 - April 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 24 Mei 2024


Carta 7

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Mac 2024 & April 2024



Carta 8


Inflasi bagi Makanan & Minuman, April 2023 - April 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 24 Mei 2024

Carta 9

Inflasi mengikut Negeri, Mac 2024 & April 2024




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

Mac 2024 | April 2024

Carta 10

Inflasi bagi Negara Terpilih, April 2023 – April 2024




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 24 Mei 2024


Carta 11

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
APRIL 2024

Malaysia's inflation remained at 1.8 per cent in April 2024 for three consecutive months

PUTRAJAYA, 24 May 2024 – Malaysia's inflation remained at 1.8 per cent in April 2024 for three consecutive months with the index points recorded at 132.4 as against 130.0 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), APRIL 2024**.

The increase in April 2024 was driven by the incline in the main group of Restaurant & Accommodation Services, 3.5 per cent (March 2024: 3.0%); Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services, 3.1 per cent (March 2024: 2.6%) and Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels, 3.0 per cent (March 2024: 3.0%). Food & Beverages and Transports registered an increase of 2.0 per cent and 0.8 per cent respectively. Meanwhile, Information & Communication declined to negative 2.5 per cent, Clothing & Footwear (-0.3%) and Insurance & Financial Services (-0.1%) as compared to the same month of the previous year.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, inflation for Restaurant & Accommodation Services increased to 3.5 per cent in April 2024 as against 3.0 per cent in March 2024. This was contributed by the increase in the main subgroup of Beverage preparation services, 3.9 per cent (March 2024: 3.7%) and Accommodation services, 2.4 per cent (March 2024: 0.6%).

Inflation for Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services increased by 3.1 per cent in April 2024 as compared to 2.6 per cent in March 2024. The increase was due to the higher increase for expenditure class of Jewellery & watches at 17.0 per cent (March 2024: 16.1%) in tandem with the rise in the gold price in the global market in April 2024. The inflation for the Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels increased at the same rate of 3.0 per cent which was also recorded in March 2024. This increase was driven by a higher increase in the subgroup of Water supply & miscellaneous services relating to the dwelling (31.6%).

The Food & Beverages group which contributes 29.8 per cent of the total CPI weight recorded an increase of 2.0 per cent in April 2024 (March 2024: 1.7%). The main subgroup of Food at home increased marginally to 0.4 per cent in April 2024 (March 2024: 0.3%). The increase was contributed by the increase in most expenditure class. The expenditure class of Vegetables recorded an increase of 3.2 per cent as compared to March 2024 (0.0%). This was followed by the expenditure class of Cereals & cereal products (1.9%); Sugar, confectionery & desserts (1.3%); Milk, other dairy products & eggs (1.0%) and Fruits & nuts (0.9%). However, both Fish & other seafood and Meat recorded a decline of negative 2.3 per cent and negative 0.9 per cent respectively.

The inflation for the expenditure class of Meat recorded a decline to negative 0.9 per cent in April 2024 (March 2024: 0.2%). Chicken as the largest component comprised of 32.6 per cent in the expenditure class of Meat recorded further decline to negative 3.5 per cent (March 2024: -1.1%). Based on data collected by DOSM, the average price of Standard chicken in Malaysia for April 2024 was RM10.13 per kilogramme as compared to RM10.45 per kilogramme in April 2023 (March 2024: RM10.28). Meanwhile, the average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia for April 2024 was RM9.55 per kilogramme as compared to RM9.91 per kilogramme in April 2023 (March 2024: RM9.53).

Meanwhile, the main subgroup of Food away from home increased higher to 4.0 per cent as compared to 3.5 per cent in the previous month. Among the items that recorded a higher increase as compared to the preceding month were Rice with side dishes, Fried rice, Food made from noodles, and Chicken rice.

Inflation for Transport eased to 0.8 per cent in April 2024 as compared to 1.3 per cent in March 2024. The increase was due to the main subgroup of Operation of personal transport equipment which increased to 1.3 per cent in April 2024 (March 2024: 1.4%). The average price of Unleaded petrol RON97 in April 2024 was RM3.47 per litre as against RM3.35 per litre in April 2023 (March 2024: RM3.47).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded increases below the national inflation level of 1.8 per cent. However, four states recorded increases above the national inflation level namely Pulau Pinang (3.2%), Sarawak (2.8%), Pahang (2.4%) and Selangor (2.2%). All states registered an increase in the inflation of Food & Beverages. The highest increase was recorded by Selangor at 3.7 per cent, followed by Pulau Pinang (3.1%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.9%) and Sarawak (2.1%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Beverages of 2.0 per cent in April 2024.

The overall monthly inflation recorded an increase of 0.2 per cent as compared to 0.1 per cent recorded in March 2024. The increase was mainly driven by Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (0.9%), Recreation, Sport & Culture (0.8%) and Restaurant & Accommodation Services (0.3%). Meanwhile, core inflation in April 2024 increased to 1.9 per cent as compared to 1.7 per cent recorded in March 2024. This was due to increase in Restaurant & Accommodation Services and Food & Beverages at 3.5 per cent and 3.2 per cent respectively, followed by Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.1%).

In comparison to inflation in other selected countries, inflation in Malaysia (1.8%) was lower than inflation in Vietnam (4.4%), Philippines (3.8%), United States of America (3.4%), Indonesia (3.0%) and Republic of Korea (2.9%). However, the rate is higher than Thailand (0.2%) and China (0.3%).

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Friday, 24 May 2024**

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my> .

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24 MAY 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 24 May 2024

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 - April 2024



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to April 2024

Chart 2

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, April 2023 - April 2024




Chart 3

Inflation for Income Group Below RM3,000, April 2023 - April 2024





Chart 4 Inflation by Quadrant, March 2024 & April 2024



Note: Starting January 2024, 62 new items were updated in CPI basket

Chart 5 Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased ≤10%, March 2024 & April 2024




Chart 6

Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, April 2023 - April 2024




Chart 7

Inflation by Main Group, March 2024 & April 2024




Chart 8

Inflation for Food & Beverages, April 2023 - April 2024





Chart 9

Inflation by State, March 2024 & April 2024



Note: W.P. refers to Wilayah Persekutuan

March 2024 | April 2024

Chart 10

Inflation of Selected Countries, April 2023 - April 2024





Chart 11 Global Selected Commodity Prices



Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit